



KEPERLUAN DALIHAN KEPENTINGAN AWAM DALAM UNDANG-UNDANG HAK CIPTA DI ERA TEKNOLOGI MAKLUMAT

*THE NEED FOR PUBLIC INTEREST DEFENCE IN COPYRIGHT LAW DURING
THE INFORMATION TECHNOLOGY ERA*

Ahmad Shamsul Abd Aziz^{*1}, Nor Azlina Mohd Noor², Khadijah Mohamed³

¹ School of Law, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: sham@uum.edu.my

² School of Law, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: norazlyna@uum.edu.my

³ School of Law, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: khadijah@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Received date: 27.05.2020

Revised date: 02.06.2020

Accepted date: 03.06.2020

Published date: 10.06.2020

To cite this document:

Abd Aziz, A.S, Mohd Noor, N.A & Mohamed, K. (2020). Keperluan Dalihan Kepentingan Awam Dalam Undang-Undang Hak Cipta Di Era Teknologi Maklumat International Journal of Law, Government and Communication, 5 (19), 107-117.

DOI: 10.35631/IJLGC.519008.

Abstrak:

Undang-undang hak cipta memasuki cabaran baharu di era teknologi maklumat. Ini kerana, pelbagai cabaran perlu dihadapi dalam mengawal pelanggaran hak cipta di Internet. Matlamat suatu undang-undang hak cipta digubal adalah untuk kepentingan awam. Namun, ia tidak seharusnya mengenepikan hak pemunya hak cipta itu sendiri. Justeru, keseimbangan perlu ada dalam menjaga hak pemunya hak cipta dan pada masa yang sama, masyarakat juga dapat menggunakan karya tersebut. Isu yang perlu diambil perhatian adalah sama ada wujud keperluan untuk menggubal peruntukan khusus mengenai kepentingan awam dalam undang-undang hak cipta. Ini adalah kerana di Malaysia, kepentingan awam tidak dijadikan sebagai suatu peruntukan khusus yang berkaitan dengan dalihan di bawah Akta Hak Cipta 1987. Walau bagaimanapun, frasa kepentingan awam ada termaktub dalam beberapa peruntukan di bawah Akta Hak Cipta 1987. Dalam menjustifikasi keperluan dalihan kepentingan awam dalam undang-undang hak cipta khususnya di era teknologi maklumat, artikel ini membincangkan tentang teori kepentingan awam dan teori teknologi maklumat. Artikel ini menggunakan kaedah penyelidikan undang-undang secara penyelidikan perpustakaan. Artikel ini merumuskan bahawa sungguhpun tiada peruntukan khusus mengenai kepentingan awam di dalam Akta Hak Cipta 1987, ia tidaklah dengan sendirinya menolak Artikel 8 dalam Perjanjian TRIPS kerana kepentingan awam itu tersirat dalam dalihan-dalihan hak cipta. Oleh itu, tiada keperluan untuk mewujudkan peruntukan khusus kerana dalihan-dalihan hak

cipta yang sedia ada adalah memadai dan tugas mahkamah yang akan menentukan sama ada penggunaan dalihan tersebut dibenarkan ataupun tidak.

Kata Kunci:

Hak Cipta, Kepentingan Awam, Dalihan, Teknologi Maklumat, Internet, Malaysia

Abstract:

In the age of information technology, copyright law contends with a new challenge. Owing to this, various challenges of regulating copyright infringement on the Internet need to be tackled. Copyright law has its intent in the public interest. Nevertheless, it should not forfeit the rights of the copyright owner. Therefore, a balance must be maintained in preserving copyright owners' rights while, at the same time, the work can be used by the public. This is so as the public interest in Malaysia is not rendered as a special provision pertaining to entitlements under the Copyright Act 1987. Still, certain legal provisions in the Copyright Act 1987 include the term of public interest. In arguing the need to offer public interest in copyright law especially in the era of information technology, this article discusses the theory of public interest and the theory of information technology. Via library research, this article uses the legal research method. This article concludes that while there is no specific provision as regards the public interest in Copyright Act 1987, it does not in itself oppose Article 8 of the TRIPS Agreement because the public interest is being impliedly considered in the defence of copyright. Therefore, there is no need to create specific provisions as the current defences of copyright are appropriate and the court may decide whether the use of such remedies is allowed or not.

Keywords:

Copyright, Public interest, Defence, Information Technology, Internet, Malaysia

Pengenalan

Undang-undang hak cipta memasuki cabaran baharu di era teknologi maklumat. Ini kerana, pelbagai cabaran perlu dihadapi dalam mengawal pelanggaran hak cipta di Internet. Mengetahui perkembangan hak cipta adalah sama seperti mengetahui perkembangan teknologi (Peng, 2020). Sebagai contohnya, karya hak cipta pada masa kini terlibat dengan aktiviti perkongsian fail. Aktiviti ini secara aktif dilakukan dalam kalangan pengguna di era teknologi maklumat. Selain itu, aktiviti pengeluaran semula bahan berhak cipta tanpa kebenaran pemunya menerusi aktiviti muat turun dan muat naik bukanlah suatu yang janggal dilakukan pengguna. Matlamat suatu undang-undang hak cipta digubal adalah untuk kepentingan awam. Namun, ia tidak seharusnya mengenepikan hak pemunya hak cipta itu sendiri. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa kepentingan awam harus mengatasi kepentingan peribadi pemunya hak cipta (Sookman, 2005). Justeru, keseimbangan perlu ada dalam menjaga hak pemunya hak cipta dan pada masa yang sama, masyarakat juga dapat menggunakan karya tersebut.

Hak cipta merupakan hak eksklusif yang diberikan kepada pencipta (Abdul Shukor et.al, 2020). Hak eksklusif ini diberikan oleh undang-undang untuk tempoh masa yang tertentu bagi membolehkan pencipta mengawal serta mengeksplorasi karya mereka (Ramli & Zainol, 2018). Dalam erti kata lain, kuasa monopoli diberikan kepada pihak yang memiliki suatu hak cipta. Konsep monopolii diwujudkan di bawah undang-undang hak cipta untuk tujuan pemunya hak cipta mendapat ganjaran di samping memberi faedah kepada orang ramai (Sony Corp. of

America lwn. Universal City Studios, Inc., 464 U. S. 417, 477 (1984)). Ini kerana, konsep monopoli ini mendorong penciptaan baharu yang berpotensi memiliki nilai sejarah yang berfaedah kepada masyarakat. Aktiviti pelanggaran hak cipta tidak boleh dibenarkan semata-mata dengan alasan untuk kepentingan awam. Di bawah perjanjian utama mengenai harta intelek iaitu Agreement on Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights (Perjanjian TRIPS) memperuntukkan di bawah Artikel 8:

1. Members may, in formulating or amending their laws and regulations, adopt measures necessary to protect public health and nutrition, and to promote the public interest in sectors of vital importance to their socio-economic and technological development, provided that such measures are consistent with the provisions of this Agreement.

Justeru, menerusi peruntukan ini, undang-undang hak cipta (yang merupakan salah satu daripada cabang harta intelek) yang digubal sebaik-baiknya berlandaskan untuk tujuan kepentingan awam. Ini dapat menggalakkan pembangunan teknologi dalam menghadapi dunia berasaskan teknologi maklumat. Di Malaysia, kepentingan awam tidak dijadikan sebagai suatu peruntukan khusus yang berkaitan dengan dalihan di bawah Akta Hak Cipta 1987. Walau bagaimanapun, frasa kepentingan awam termaktub dalam beberapa peruntukan di bawah Akta Hak Cipta 1987. Menurut Rowbottom (2018), dalihan kepentingan awam diperlukan bagi suatu undang-undang yang kompleks seperti kepelbagaiannya undang-undang diperlukan untuk suatu permasalahan.

Metodologi

Penyelidikan undang-undang merupakan penilitian sistematis terhadap peningkatan pengetahuan undang-undang (Chua, 2018). Kaedah penyelidikan perpustakaan merupakan kaedah asas kepada penyelidikan undang-undang (Yaqin, 2008). Kaedah dilakukan bagi mendapatkan bahan-bahan seperti buku teks, keputusan kes, statut, perjanjian-perjanjian serta makalah undang-undang sebelum ianya dianalisa. Perbandingan statut dengan negara luar turut dilakukan. Tujuan perbandingan dibuat adalah untuk membawa perubahan pada undang-undang sedia ada agar menjadikannya lebih efektif dan berkesan. Metod perbandingan adalah suatu yang wajar digunakan dalam memberi manfaat kepada sistem perundangan tempatan (Wilson, 2007).

Teori Kepentingan Awam dan Teknologi Maklumat

Dalam membincangkan mengenai keperluan dalihan kepentingan awam dalam undang-undang hak cipta khususnya di era teknologi maklumat, dua buah teori perlu diperjelaskan. Teori mengenai kepentingan awam serta teori ruang siber yang menjadi tunjang kepada era teknologi maklumat diperhalusi sebelum melihat kepada keperluan mewujudkan dalihan kepentingan awam di dalam Akta Hak Cipta 1987.

Teori Kepentingan

Pelanggaran hak cipta dikaitkan dengan kepentingan individu lain untuk mengekspoitasikan suatu karya berhak cipta. Suatu kepentingan adalah dilindungi apabila ia diberi taraf sebagai hak oleh undang-undang. Menurut Sahamid (2005), ahli sarjana Pound telah membahagikan kepentingan kepada tiga kategori iaitu kepentingan individu, kepentingan sosial dan kepentingan awam. Kepentingan individu adalah merujuk kepada personaliti (kepentingan yang melibatkan jasmani dan rohani), kepentingan hubungan domestik (kepentingan yang wujud di dalam hubungan domestik/rumahtangga) dan kepentingan bahan (tuntutan yang berunsur ekonomi seperti berkenaan harta seseorang). Manakala kepentingan sosial pula

meliputi perkara-perkara seperti keselamatan umum, kesihatan umum, kedamaian, pemeliharaan sumber-sumber semulajadi, institusi-institusi domestik, keagamaan politik dan sosial, kebebasan bersuara/bertutur dan berkumpul, kebebasan perdagangan serta moral awam. Kepentingan awam pula merujuk kepada kepentingan sesebuah negara untuk bebas bertindak, keselamatan negara dan pemeliharaan martabat negara. Percanggahan kepentingan hanya boleh diseimbangkan menerusi kepentingan dalam kategori yang sama. Ini bermakna, kepentingan individu hanya boleh diseimbangkan dengan kepentingan individu sahaja dan tidak boleh diseimbangkan kepentingan individu dengan kepentingan sosial atau kepentingan awam (Abd Aziz, 2017).

Justeru, sekiranya ia membabitkan dua kepentingan dalam kategori yang berbeza, maka ia boleh merujuk kepada dua kaedah iaitu *socio-utilitarian* dan kaedah *jural postulates* (Sahamid, 2005). Kaedah *socio-utilitarian* menekankan kepentingan dalam memenuhi kehendak atau tuntutan majoriti di dalam masyarakat tanpa memudaratkan kepentingan-kepentingan lain. Manakala kaedah *jural postulates* pula merujuk kepada dasar kepada struktur masyarakat. Ia tidak statik dan berubah mengikut perkembangan masyarakat dan tuntutan baharu. *Jural postulates* ini juga boleh bercanggah antara sesama sendiri dan kejayaan suatu masyarakat adalah bergantung kepada setakat mana *jural postulates* ini boleh disebatikan dengan tuntutan masyarakat.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sekiranya teori kepentingan ini dipraktikkan, keperluan peruntukan khusus kepentingan awam sebagai suatu dalihan jika diwujudkan, ia perlulah tidak memudaratkan hak pemunya hak cipta. Dalihan kepentingan awam ini berpihak kepada masyarakat sebagai pengguna bahan berhak cipta yang mudah diperolehi di Internet. Namun, ia tidak boleh menjelaskan pihak yang berkepentingan terhadap suatu karya hak cipta tersebut.

Teori Teknologi Maklumat

Suatu teknologi yang dicipta dapat meningkatkan produktiviti dan memperbaiki kehidupan, walau bagaimanapun, ia tetap akan mewujudkan kesan-kesan disebaliknya (Guarda & Hussin, 2019). Untuk melihat kepada keperluan peruntukan mengenai kepentingan awam dijadikan suatu dalihan hak cipta di era teknologi maklumat, teori ruang siber akan dirujuk. Teori ini akan menfokuskan perkara-perkara berkaitan risiko dan masyarakat rangkaian.

Risiko

Internet merupakan medium teknologi terkini menyumbang kepada masalah masyarakat berisiko (risk society). Ini kerana, sifat Internet itu sendiri yang mudah dicapai dan penyebarannya bersifat global. Masyarakat berisiko melihat kemodenan sebagai suatu dimensi gelap untuk pembangunan terutamanya yang berkaitan dengan sains dan teknologi (Beck, 2003). Ia terbahagi kepada tiga jangka masa iaitu masyarakat tradisi atau pra moden, masyarakat *early-simple* moden dan masyarakat moden kendiri (*reflexive*). Beck (2003) turut membincangkan berkaitan teknologi dalam kedudukan masyarakat moden kendiri. Tiga risiko utama yang diketengahkan pula adalah pertama, risiko fizikal, kedua, fungsi langsung hubungan sosial serta proses dan ketiga, risiko primer sosial bergantung kepada institusi serta pemain terhadap pihak yang berisiko.

Risiko dan tanggungjawab menurut Giddens (1999) adalah sesuatu yang saling berkaitan. Pandangan beliau terhadap masyarakat berisiko adalah masyarakat yang hidup dalam peningkatan teknologi bertaraf tinggi di mana tiada pihak yang sepenuhnya memahami dan dapat menjana kepelbagaiannya kemungkinan di masa hadapan. Masyarakat berisiko ini berteraskan kepada dua asas transformasi iaitu pengakhiran semulajadi (the end of nature) dan

pengakhiran tradisi (the end of tradition). Pengakhiran semulajadi tidak bermakna alam semulajadi lenyap tetapi merujuk kepada beberapa ciri dalam dunia fizikal yang tidak disentuh. Manakala pengakhiran tradisi pula adalah apa yang dialami kini iaitu masyarakat hari ini yang hidup dalam serba kemodenan, kemudahan teknologi Internet adalah salah satu daripadanya. Justeru, undang-undang yang digubal perlu mengambil kira kemudahan teknologi terkini dalam konteks perlindungan hak cipta. Justeru, sekiranya kepentingan awam dijadikan suatu dalihan khusus, risikonya tetap ada. Ini kerana, bahan berhak cipta dalam bentuk digital mudah diperolehi dalam dunia teknologi maklumat dan masyarakat dengan sewenang-wenangnya menggunakan tanpa kebenaran diperolehi. Pengguna yang berbuat demikian tidak akan rasa bersalah kerana perlakuannya adalah dibenarkan atas alasan kepentingan awam sungguhpun ia bertujuan untuk kegunaan peribadi.

Masyarakat Rangkaian

Masyarakat pada hari ini merupakan generasi masyarakat bermaklumat dan masyarakat rangkaian (network society). Perkembangan teknologi terkini telah melahirkan media alternatif, iaitu menerusi Internet dan masyarakat tidak hanya bergantung kepada media tradisional seperti media cetak dan elektronik untuk mendapatkan berita. Media berfungsi sebagai saluran demokrasi (Rowbottom, 2018). Media merupakan tempat di mana kuasa dibuat dan bukannya sumber memegang kuasa (Castels, 2007). Kuasa media tidak dapat dinafikan boleh mempengaruhi masyarakat jika mediumnya menyeluruh dan tanpa sempadan. Internet secara hakikatnya merupakan teknologi lama kerana ia mula diperkenalkan sekitar tahun 1960-an. Walau bagaimanapun, dengan kepesatan teknologi dan semakin ramai masyarakat yang celik teknologi maklumat, perkembangannya cukup memberangsangkan sejak akhir-akhir ini. Kemudahan Internet, komunikasi media, digital media dan kepelbagaiannya perisian sosial mewujudkan *mass self-communication* iaitu komunikasi pelbagai hala dan tidak lagi bersifat komunikasi tradisional seperti komunikasi massa. Justeru, dalam konteks perlindungan hak cipta di era teknologi maklumat, suatu karya lebih mudah diperolehi dan disebarluaskan menerusi Internet. Demgan adanya peruntukan dalihan mengenai kepentingan awam, kekhawatiran timbul apabila dalam kalangan masyarakat rangkaian, menggunakan karya berhak cipta tanpa kebenaran yang mudah diperolehi menjadi suatu kebiasaan.

Hak Cipta dan Kepentingan Awam

Undang-undang hak cipta di peringkat global digubal dalam mendepani permasalahan di dunia teknologi maklumat seperti menerusi *WIPO Copyright Treaty* (WCT) dan *WIPO Performances and Phonograms Treaty* (WPPT). Walau bagaimanapun, kedua-dua perundangan ini disifatkan tidak memberi penekanan yang menyeluruh mengenai dalihan kepentingan awam (Lekhawatthanapong, 2017). Di Malaysia, menerusi Akta Hak Cipta 1987, pindaan dibuat bagi mewujudkan peruntukan bersesuaian dengan permasalahan di Internet. Peruntukan-peruntukan ini termaktub di bawah seksyen 36A mengenai pemintasan langkah perlindungan teknologi dan seksyen 36B mengenai maklumat pengurusan hak. Pengecualian yang dibenarkan menerusi seksyen-seksyen ini hanya terhad dan terpakai dalam keadaan penguatkuasaan undang-undang, keselamatan negara, pelaksanaan fungsi statutori dan dilakukan oleh badan yang dibenarkan seperti perpustakaan sepertimana di bawah seksyen-seksyen 36A(e) dan (f) serta 36B (2)(a) dan (b) Akta Hak cipta 1987. Justeru, selain dari perkara-perkara yang dinyatakan ini, pengecualian tidak diberikan termasuklah untuk tujuan kepentingan awam.

Harding (2010) menyatakan bahawa penekanan perlu dilihat kepada betapa pentingnya untuk membuat suatu undang-undang yang selaras dengan kehendak masyarakat pada masa kini. Suatu pendekatan keadilan sosial yang luas seperti kepentingan awam berkemungkinan mewujudkan suatu pendekatan yang menyempitkan undang-undang peribadi. Jika dilihat

dalam konteks undang-undang hak cipta, pemberian lebih banyak hak penggunaan suatu karya berhak cipta atas dasar kepentingan awam akan mengecilkan hak seorang pemunya dalam mengeksplotasi suatu karya tersebut. Isu mengenai undang-undang berkaitan kepentingan awam ini menjadi penting pada masa akan datang dalam konteks undang-undang di Malaysia (Harding, 2010).

Secara umumnya, undang-undang hak cipta digubal bagi melindungi hak pemunya suatu karya. Isu mengenai kepentingan awam turut dihujahkan dalam kes-kes hak cipta di luar negara. Antaranya adalah menerusi kes *Lion Laboratories lwn. Evans* [1984] WLR 539 (C.A.) di mana suatu penerbitan telah dilakukan terhadap memo dalaman yang mengkritik ketepatan alat pengesan alkohol (breathalysers) yang dijual oleh plaintif. Penerbitan tersebut diputuskan oleh mahkamah sebagai berhak cipta. Defendan dalam kes ini berhujah tentang dalihan kepentingan awam atas alasan siasatan perlu dibuat mengenai ketepatan peralatan tersebut bagi mengelakkan kesilapan membaca apabila digunakan oleh polis terhadap para pemandu kenderaan bermotor. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa dalihan kepentingan awam ini diterima. Selain itu, Lord Denning dalam kes *Initial Services lwn. Putterill* [1967] 3 All ER 145 menyatakan bahawa takrifan dalihan kepentingan awam seharusnya terhad kepada keselamatan negara dan perkara-perkara yang mengundang bahaya sahaja. Manakala dalam kes *Frazer lwn. Evans* [1969] 1 QB 349, Hakim Ungoed-Thomas merujuk pernyataan Lord Denning menerusi kes *Beloff lwn. Pressdram* [1973] 1 All ER 241. Menerusi kes *Beloff*, dalihan kepentingan awam dibincangkan bersama-sama dengan dalihan urusan yang wajar. Mahkamah membezakan antara kedua-duanya dengan menyatakan bahawa urusan yang wajar merupakan dalihan dalam undang-undang hak cipta manakala kepentingan awam adalah prinsip dalam undang-undang *common law*.

Di United Kingdom, Seksyen 171(3) *Copyright, Designs and Patents Act 1988* (CDPA 1988) memperuntukkan bahawa “Nothing affects any rule of law preventing or restricting the enforcement of copyright, on grounds of public interest or otherwise.” Peruntukan ini menimbulkan pelbagai andaian sama ada ianya merupakan suatu peruntukan yang turut memberi ruang kepentingan awam dijadikan dalihan hak cipta. Tambahan pula, di bawah seksyen 12(4) *Human Rights Act 1998* yang terpakai di United Kingdom juga disebut mengenai kepentingan awam. Peruntukan ini memperuntukkan bahawa, mahkamah boleh membenarkan suatu karya sastera atau artistik (yang dilindungi di bawah hak cipta) di mana pihak awam boleh mendapatkannya serta diterbitkan sekiranya ia merupakan suatu kepentingan awam.

Dalam kes *PCR Ltd lwn. Dow Jones Telerate Ltd* [1998] FSR 170, kepentingan awam tidak boleh diaplikasikan sekiranya ia tidak konsisten dengan undang-undang hak cipta. Skop kepentingan awam sebagai dalihan mula dibincangkan dalam kes *Hyde Park Residence Ltd. lwn Yelland dan Seorang Lain* [2000] 3 WLR 215 di mana dalam kes ini, Hakim Aldous LJ berpandangan bahawa mahkamah berhak menolak penguatkuasaan undang-undang hak cipta jika karya tersebut (i) tidak bermoral, skandal atau bertentangan dengan kehidupan berkeluarga; (ii) memudaratkan kepada kehidupan awam, kesihatan awam dan keselamatan atau pentadbiran keadilan; (iii) menghasut atau menggalakkan pihak lain melakukan perkara yang dirujuk dalam (ii). Justeru, pihak awam bebas menggunakan suatu karya yang mengandungi perkara-perkara ini kerana tiada hak cipta yang boleh dikuatkuasakan.

Walau bagaimanapun, pandangan ini ditolak oleh kes *Ashdown lwn. Telegraph Group Limited* [2001] E.M.L.R. 44. Sungguhpun untuk tujuan kepentingan awam, Mahkamah Rayuan England dalam kes ini memutuskan bahawa ia tidak seharusnya memberi hak penggunaan secara percuma terhadap karya orang lain. Perkara berkaitan kepentingan awam tidak wajar

dimanipulasikan. Hujah dalam kes ini juga menekankan bahawa di United Kingdom, dengan wujudnya *Human Rights Act of 1998*, mahkamah perlu lebih fleksibel dan sikap bertimbang rasa terhadap kepentingan awam. Keputusan kes ini diikuti oleh Lord Blackburn dalam kes *HRH Prince of Wales lwn Associated Newspapers* [2007] 3 WLR 222.

Tujuan utama penggubalan undang-undang hak cipta bukanlah untuk memberi anugerah kepada pengkarya tetapi lebih kepada faedah yang diperolehi daripada pihak awam menerusi hasil kerja pengkarya (Dworkin, 2005). Undang-undang perlembagaan Amerika Syarikat menerusi Artikel 1, Sekyen 8 *First Amendment* memperuntukkan bahawa tujuan suatu undang-undang hak cipta itu dibuat adalah untuk kepentingan masyarakat bagi perkembangan sains dan sastera yang berguna. Ini berbeza dengan Perlembagaan Persekutuan yang tidak memperuntukkan dengan jelas tujuan suatu undang-undang hak cipta itu diwujudkan. Perkembangan sains dan sastera ini wujud menerusi pembelajaran dan pengetahuan. Dalam hal ini, tujuan undang-undang hak cipta adalah untuk memberi insentif kepada pencipta untuk berkarya dan mengedarkan karya tersebut kepada awam. Justeru, berbeza dengan undang-undang Malaysia, undang-undang hak cipta di Amerika Syarikat itu sendiri adalah berdasarkan kepada kepentingan awam.

Dalam kes *Fox Film Corp. lwn. Doyal* 286, U.S 123, 127 (1932), mahkamah menyatakan bahawa objektif utama pemberian suatu hak cipta adalah terletak kepada faedah umum yang diperolehi masyarakat daripada usaha seorang pengkarya. Matlamat penyebaran kepada pihak awam ini dapat dilihat dalam undang-undang pertama hak cipta di Amerika Syarikat yang diluluskan oleh Kongres pada tahun 1790 di mana mukadimahnya bermula dengan “sebuah Akta untuk menggalakkan pembelajaran.” Mahkamah Agung dalam kes *United States lwn. Paramount Pictures, Inc.*, 334U.S 131, 158 (1948) memutuskan bahawa undang-undang hak cipta yang memberi ganjaran material kepada pemunya hakikatnya hanyalah bertindak sebagai ganjaran kedua. Ganjaran sebenar adalah dari pihak pengkarya itu sendiri yang memberi dorongan kepada pihak awam mengenai suatu produk yang wujud dari pemikiran kreatif yang bijaksana. Manakala dalam kes *Twentieth Century Music Corp lwn. Aiken* 422 U.S 151, 156 (1975), salah satu tujuan undang-undang hak cipta digubal adalah untuk memberi kemudahan kepada pihak awam.

Perlindungan terhadap hak cipta mencerminkan tuntutan persaingan terhadap kepentingan awam. Tujuan asal penggubalan undang-undang hak cipta adalah untuk merangsang aktiviti artistik bagi kebaikan masyarakat. Justeru, skop mengenai hak-hak perlindungan suatu karya hak cipta oleh undang-undang hak cipta masa kini perlu menyediakan insentif yang mencukupi kepada pemunya hak cipta untuk berkarya dan perkara ini turut memerlukan kepada pencapaian matlamat untuk kepentingan awam (Reese, 2012). Di era teknologi maklumat, sesuatu bahan lebih mudah diperolehi, jika penghasilannya tidak memberi ruang kepada kepentingan awam, maka lebih banyak aktiviti pelanggaran hak cipta yang wujud.

Kepentingan Awam di dalam Akta Hak Cipta 1987

Secara umumnya, undang-undang hak cipta mengiktiraf sesuatu karya dengan memberikan perlindungan undang-undang sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Justeru, hak cipta merupakan hak mutlak pemunya hak cipta untuk suatu tempoh yang ditetapkan. Dalam erti kata lain, ia menafikan hak pengguna lain untuk menggunakan suatu karya tanpa kebenaran pemunya hak cipta. Hujah dalam kes *Mediacorp News Pte. Ltd. dan Lain-lain lwn. Mediabanc (Johore Bharu) Sdn. Bhd dan Lain-lain* [2011] 5 CLJ 454 menyatakan bahawa undang-undang hak cipta hakikatnya bukanlah hak monopoli kerana dalam usaha untuk mencapai keseimbangan antara pemilik hak cipta dan kepentingan awam, undang-undang telah

mengadakan peruntukan menerusi seksyen 13 Akta Hak Cipta 1987. Peruntukan ini memberikan lima hak eksklusif kepada pemilik hak cipta di bawah seksyen 13(1) beserta 21 dalihan di bawah seksyen 13(2) di mana pemilik hak cipta tidak mempunyai hak kawalan. Dalihan urusan yang wajar di bawah seksyen 13(2)(a) serta dalihan pembuatan suatu salinan elektronik fana dan sampingan yang telah tersedia di suatu rangkaian di bawah seksyen 13(2)(q) Akta Hak Cipta 1987 amat relevan khususnya untuk kesalahan-kesalahan hak cipta di Internet (Abd Aziz, 2017).

Terdapat peruntukan di bawah Akta Hak Cipta 1987 yang mengungkapkan frasa *kepentingan awam*. Namun, ianya bukanlah secara langsung menjadikan untuk tujuan kepentingan awam sebagai suatu dalihan hak cipta. Ia hanya terpakai dalam keadaan-keadaan tertentu serta dilakukan oleh pihak-pihak tertentu sahaja. Sebagai contohnya, di bawah seksyen 9(5) Akta Hak Cipta 1987 memperuntukkan mengenai pengeluaran semula suatu karya untuk *kepentingan awam* dibenarkan dalam bentuk susunan semula tipografi suatu edisi yang diterbitkan yang dilakukan oleh Kerajaan, Arkib Negara atau Negeri, Perpustakaan Negara atau Negeri atau mana-mana perpustakaan awam dan institusi-institusi pendidikan, sains atau profesional yang ditetapkan oleh Menteri melalui suatu perintah. Pihak yang dinamakan dalam peruntukan tersebut boleh melakukan pengeluaran semula jika ianya adalah untuk kepentingan awam dan bersesuaian dengan urusan yang wajar.

Selain itu, di bawah seksyen 13 (2)(i) Akta Hak Cipta 1987, peruntukan ini menyatakan bahawa bagi penggunaan sesuatu karya untuk *kepentingan awam* dan bersesuaian dengan amalan yang wajar, ianya dilindungi oleh hak cipta sekiranya ia adalah arahan atau kawalan oleh Kerajaan, Arkib Negara atau Negeri, Perpustakaan Negara atau Negeri atau mana-mana perpustakaan awam dan institusi-institusi pendidikan, sains atau profesional yang ditetapkan oleh Menteri melalui suatu perintah dan tidak bersifat mendapat keuntungan atau dikenakan sebarang bayaran.

Akta Hak Cipta 1987 tidak memperuntukkan secara khusus bahawa kepentingan awam boleh dijadikan sebagai suatu dalihan selain daripada yang berkaitan dengan peruntukan di bawah seksyen 9(5) dan 13(2)(i) sahaja. Kedudukan kepentingan awam sebagai suatu dalihan dalam undang-undang hak cipta amat relevan dibincangkan terutama dalam era teknologi maklumat. Ini kerana, pelanggaran hak cipta lebih mudah berlaku di Internet. Sekiranya kepentingan awam dijadikan suatu dalihan kepada hak cipta, pengeluaran semula suatu bahan berhak cipta dengan tujuan untuk kepentingan awam, justeru tiada pelanggaran hak cipta yang wujud.

Keperluan Peruntukan Khusus Mengenai Kepentingan Awam dalam Undang-undang Hak Cipta

Sebagaimana perbincangan di awal artikel ini, tiada sebarang peruntukan khusus dalihan untuk kepentingan awam dalam undang-undang hak cipta di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat peruntukan mengenai tujuan penggunaan bagi kepentingan awam di bawah seksyen 13(2)(i) Akta Hak Cipta 1987 dan bagi tujuan pengeluaran semula oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan awam seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 9(5) Akta Hak Cipta 1987. Peruntukan ini hanya terpakai untuk pihak kerajaan dan badan-badan berkaitan dan bukannya oleh pengguna individu. Di United Kingdom, undang-undang hak cipta memperuntukkan bahawa sesuatu tindakan demi kepentingan awam tidak akan memberi sebarang kesan kepada rukun undang-undang yang boleh menghalang atau menyekat penguatkuasaan hak cipta (seksyen 171(3) *Copyright, Designs and Patents Act 1988*). Di peringkat perbahasan parlimen mengenai *Copyright, Designs and Patents Act 1988* (Bacaan Ketiga Rang Undang-undang

Copyright, Designs and Patents, Hansard, Mac 29, 1988, col. 630), Lord Lloyd of Kilgerran menyatakan bahawa:

Copyright is not infringed by anything done in the public interest to disclose a matter of grave public concern or the existence of crime, fraud, abuse of authority, neglect in the performance of official duty or other misconduct.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang menyatakan bahawa tidak wujud pelanggaran hak cipta bagi tujuan kepentingan awam ini telah ditentang dan Lord Beaverbrook atas alasan “kodifikasi/akta akan menjadi tidak bijak”. Selain itu, ia akan membenarkan mahkamah membuat keputusan terlalu fleksibel di masa hadapan.

Dalihan kepentingan awam amat berkaitan dengan dalihan dalam kes-kes pecah kepercayaan (Johnson, 2005). Dalihan kepentingan awam bermula daripada kes *Gartside* Iwn. *Outram* (1856) 26 L.J. CH.113 di mana mahkamah menyatakan bahawa “tiada kepercayaan merujuk kepada suatu pendedahan kezaliman.” Dalihan ini mula diaplikasi kepada hak cipta menerusi kes *Beloff* Iwn. *Pressdram Ltd dan Lain-lain* [1973] 1 All. E.R 241 di mana mahkamah mencadangkan bahawa kepentingan awam merupakan suatu dalihan dan tidak terhad kepada kes-kes hak cipta tetapi berdasarkan prinsip umum undang-undang *common law*. Walau bagaimanapun, Aldous L.J dalam kes *Hyde Park Residence* Iwn. *Yelland dan Seorang Lain* [2000] 3 WLR 215 mencadangkan beberapa ujian untuk melihat dalihan kepentingan awam di dalam undang-undang hak cipta:

- a) *Copyright, Designs and Patents Act 1998* telah memperuntukkan imbangan di antara hak harta (hak cipta) dan kepentingan awam (peruntukan mengenai perlakuan yang dibenarkan),
- b) hak cipta tidak seperti pecah keyakinan, tidak melindungi maklumat tetapi karya ekspresif,
- c) dalihan kepentingan awam akan bertentangan dengan beberapa obligasi antarabangsa seperti Artikel 10 Konvensyen Berne (berkaitan amalan yang wajar).

Burell (2000) menyatakan bahawa tidak perlu dijadikan dalihan kepentingan awam dalam undang-undang hak cipta dengan berteraskan dua hujah iaitu pertamanya, Parlimen telah menggubal undang-undang hak cipta berserta dalihan kepada pelanggaran hak cipta bagi tujuan kepentingan awam. Manakala hujah kedua pula adalah undang-undang hak cipta itu sendiri tidak memberi hak monopoli kepada pemunya ke atas suatu maklumat atau informasi.

Kesimpulan

Di era ledakan teknologi maklumat, suatu bahan berhak cipta lebih mudah diperolehi. Sekiranya wujud dalihan kepentingan awam, pengguna yang mengambil bahan berhak cipta tanpa kebenaran boleh menggunakan dalihan ini untuk melepaskan dari melakukan pelanggaran. Keperluan menjadikan kepentingan awam sebagai suatu peruntukan khusus di bawah undang-undang hak cipta tempatan hakikatnya adalah tidak perlu. Ini berdasarkan kepada Akta Hak Cipta 1987 telah memasukkan sebanyak 21 dalihan pada hakikatnya adalah untuk memberi sedikit ruang kepada pengguna menggunakan karya berhak cipta tanpa melakukan sebarang pelanggaran. Peruntukan di bawah seksyen 13(2)(i) dan seksyen 9(5) Akta Hak Cipta 1987 yang menyebut mengenai kepentingan awam bukanlah peruntukan yang boleh digunakan oleh individu tetapi oleh pihak Kerajaan dan badan tertentu. Mewujudkan

peruntukan khusus berkenaan kepentingan awam hanya akan mengundang kepada lebih banyak penyalahgunaan karya hak cipta di Internet.

Oleh yang demikian, sungguhpun tiada peruntukan khusus mengenai kepentingan awam, ia tidaklah dengan sendirinya menolak Artikel 8 dalam Perjanjian TRIPS kerana kepentingan awam itu tersirat dalam dalihan-dalihan hak cipta. Selain itu, tiada keperluan untuk mewujudkan peruntukan seperti seksyen 171(3) *Copyright, Designs and Patents Act 1988* yang antara lain menyatakan bahawa tiada apa-apa kesan kepada mana-mana rukun undang-undang yang menghalang atau menyekat penguasaan hak cipta yang dibuat atas alasan kepentingan awam atau sebaliknya. Ini kerana, dalihan-dalihan yang sedia ada adalah memadai dan tugas mahkamah yang akan menentukan sama ada penggunaan dalihan tersebut dibenarkan ataupun tidak.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia di atas pembiayaan artikel ini menerusi Geran FRGS bertajuk: Pengukuhan Model Undang-undang Harta Intelek di Malaysia dalam Mendepani Era Revolusi 4.0 (Kod S/O 14221).

Rujukan

- Abd Aziz, A.S. (2017). Perlindungan Hak Cipta dan Kebebasan Bersuara Pengguna di Internet: Suatu Analisa Mencari Keseimbangan dalam Pertembungan Dua Hak Ini di Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia. (tidak diterbitkan).
- Abdullah, N.C. (2018). “Legal Research Methodology”. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell, 2018.
- Abdul Shukor, S. et.al. (2020). “Communications and Media Law in Malaysia”. Negeri Sembilan: USIM Malaysia.
- Beck, Ulrich. (2003). “Risk Society: Towards a New Modernity” penterjemah Mark Ritter, London: Sage Publications Ltd.
- Burell, R (2000). “Defending the Public Interest,” E.I.P.R 22, no 9, (2000):394-404.
- Dworkin, G. (2005). “Copyright, the Public Interest and Freedom of Speech: A UK Copyright Lawyer’s Perspective,” dalam Copyright and Free Speech: Comparative and International Analyses, pytg. Jonathan Griffiths dan Uma Suthersanen Oxford:Oxford University Press.
- Giddens, A. “Risk and Responsibility,” The Modern Law Review 62, no.1 (1999):1-10.
- Guarda, D. dan Husin, R. (2019). “4IR AI, Blockchain, FinTech, IoT, Reinvention a Nation.” Kuala Lumpur: EMIR Research.
- Harding, A. (2010). “Law Government and the Constitution in Malaysia,” Edisi ke-9, Petaling Jaya: Lexis Nexis.
- Johnson, P. (2005). “The Public Interest: Is It Still a Defence to Copyright Infringement?” ELR 16, no.1:1-6.
- Lekhawatthanapong, T. (2017). Establishing Statutory Ground for the Public Interest Defence under International Copyright Law. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. University of Nottingham (tidak diterbitkan).
- Ramli, N. dan Zainol, Z.A. (2018). “Universiti Penyelidikan dan Hak Milik Harta Intelek.” Bangi: Penerbit UKM.
- Reese, R.A. (2012). “Copyright and Trademark Law and Public Interest Lawyering,” UC Irvine L. Rev no.2: 919-929.
- Rowbottom, J. (2018). “Media Law”. Oxford: Hart Publishing.
- Sahamid, B. (2005). “Jurisprudens dan Teori Undang-undang dalam Konteks Malaysia” Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.

- Peng, S.C. (2020). “Digital Copyright Law of Malaysia” Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.
- Penyata rasmi. Bacaan Ketiga Rang Undang-undang Copyright, Design and Patent, Hansard, Mac 29, 1988, col. 630.
- Sookman, B.B. (2005). “TPM: A Perfect Storm for Consumers: Replies to Professor Geist” Canadian Journal of Law and Technology: 23-43.
- Wilson, G. (2007). “Comparative Legal Scholarship,” dalam Research Methods for Law, pytg. Mike McConville & Wing Hong Chui, Edinburg University Press: Edinburg.
- Yaqin. A. (2008). “Legal Research and Writing” Kelana Jaya: LexisNexis.